

016 PERSELISIHAN ANTARA IMAM RĀFI’Ī DAN IMAM NAWAWĪ : SUATU SOROTAN TERHADAP METODE PENTARJĪHAN IMAM NAWAWĪ

**Muhammad Ismail bin Abdullah
Akademi Islam**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor.

ABSTRAK

Imam Rāfi’ī dan Imam Nawawī merupakan dua tokoh besar dalam mazhab Shāfi’ī. Peranan mereka dalam memurnikan semula mazhab adalah usaha besar yang tiada tolak bandingnya dengan generasi terdahulu mahupun yang terkemudian. Para Shāfi’īyyah yang menyusul sesudah mereka telah sepakat bahawa sebarang hukum yang disepakati bersama oleh kedua-dua Imam tersebut adalah pendapat muktamad dalam mazhab. Jika mereka berselisih maka pandangan Imam Nawawī akan diutamakan sekiranya beliau mempunyai alasan pentarjīhan. Justeru itu, dengan menjadikan bab taharah (bersuci) sebagai sampel, kajian ini adalah untuk mengenal pasti bentuk-bentuk perselisihan yang berlaku antara kedua-dua imam tersebut serta pendekatan pentarjīhan yang diambil oleh Imam Nawawī sebagai jalan keluar kepada perselisihan tersebut. Berpandukan metode dokumentasi, data-data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan pendekatan induktif, deduktif dan komparatif. Antara dapatan kajian menunjukkan berlakunya perselisihan yang signifikan antara kedua-dua imam tersebut.

Kata kunci: metodologi hukum, Imam Nawawī , *tarjīhh*

PENGENALAN

Perkembangan suatu mazhab sangat bergantung kepada kesedaran anak-anak murid kepada pengasas mazhab untuk mendalami dan menyebarkan mazhab imam mereka. Dalam hal ini, Imam Shāfi’ī boleh dikira antara mereka yang sangat bertuan kerana memiliki sekian ramai pengikut yang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menyebarkan *fiqh* Imam Shāfi’ī di serata dunia Islam. Melalui evolusi mazhab yang begitu panjang, bermula dari zaman Muzanī hingga kepada kemunculan aliran *al-Iraqiyyīn* dan *al-Khurasāniyyīn*, pastinya perselisihan dan *khilāf* merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Apatah lagi mazhab Shāfi’ī sendiri telah melahirkan sejumlah ulama dan mujtahid yang bertungkus-lumus berkhidmat kepada mazhab secara konsisten dan berterusan.

Perselisihan pandangan ini berterusan, tanpa adanya usaha bersungguh-sungguh untuk menyatukan pandangan-pandangan tersebut dalam kerangka dan doktrin mazhab yang kemas dan teratur. Hinggalah munculnya Imam Rāfi’ī yang tampil melakukan pemurnian mazhab buat julung-julung kalinya dengan melakukan pentarjīhan ke atas sekian banyak hukum-hakam supaya dapat dikeluarkan satu pandangan yang benar-benar menepati metodologi dan *uṣūl* mazhab. Usaha yang hebat ini tidak terhenti dengan kewafatan beliau, bahkan diteruskan pula oleh Imam Nawawī sebagai pelengkap kepada era pemurnian pertama mazhab, hinggakan mereka diberi jolokan sebagai *shaiykhān*.

Seakan sudah menjadi kesepakatan para Shāfi'iyyah yang terkemudian daripada kedua-dua imam tersebut bahawa apabila berlakunya perselisihan hukum dalam mazhab, maka yang terpakai adalah hukum yang disepakati oleh Imam Rāfi'ī dan Imam Nawawī. Manakala apabila berlakunya perselisihan antara mereka berdua, maka pentarjihan Imam Nawawī akan diutamakan berbanding Imam Rāfi'ī.¹

Justeru, kajian ringkas ini telah mengenal pasti beberapa perselisihan antara kedua-dua imam tersebut dan pendekatan pentarjihan yang telah diambil oleh Imam Nawawi. Sebagai sample kepada kajian ini, penulis telah memilih beberapa masalah daripada bab *tahārah* sebagai asas perbincangan. Ini kerana ia merupakan bab terawal dalam kebanyakan kitab-kitab *fiqh*.

RUMUSAN MASALAH-MASALAH KHILAF DI ANTARA IMAM RĀFI'Ī DAN IMAM NAWAWĪ

Secara umumnya terdapat sekitar 50 masalah yang diperselisihkan antara Imam Rāfi'ī dan Imam Nawawī.² Antara rujukan utama dalam memahami perselisihan kedua-dua Imam ini adalah kitab karangan Imam Nawawī *Minhāj al-Tālibīn* atau dikenali sebagai *al-Minhāj* sahaja di kalangan pengkaji mazhab Shāfi'i yang merupakan ringkasan kepada kitab *Muḥarrar* karya Imam Rāfi'ī. Jumlah 50 masalah ini adalah daripada sejumlah 70 ribu masalah fiqh yang terkandung dalam kitab *al-Minhāj* sahaja.

Hasil pemerhatian terhadap sampel kajian melalui kitab *Minhāj al-Tālibīn*, penulis telah menemukan sebanyak lapan masalah yang menjadi titik perselisihan antara Imam Rāfi'ī dan Imam Nawawī. Satu masalah daripadanya melibatkan *pentarjihan* dalam menentukan salah satu daripada pandangan-pandangan Imam Shāfi'i. Ini sebagaimana yang berlaku dalam masalah keutamaan menyertakan perbuatan berkumur-kumur dan memasukkan air ke dalam hidung. Satu masalah juga melibatkan pentarjihan perselisihan para *Aṣḥāb al-Wujūh* dalam menukilkan pandangan mazhab. Hal ini boleh dilihat dalam masalah pateri menggunakan emas. Begitu juga satu masalah melibatkan penolakan terus terhadap pandangan Imam Rāfi'ī oleh Imam Nawawī dalam masalah doa-doa yang disunatkan ketika membasuh setiap anggota *wudū'*. Manakala selebihnya iaitu lima masalah melibatkan perselisihan dalam mentarjih pandangan-pandangan *Aṣḥāb al-Wujūh*. Jadual berikut boleh membantu untuk menjelaskan status masalah-masalah yang diperselisihkan dengan lebih tepat.

BIL	MASALAH	PUNCA PERSELISIHAN	ISTILAH PENTARJIHAN
1.	Pateri perkakas menggunakan emas.	Perselisihan para <i>Aṣḥāb al-Wujūh</i> dalam menukilkan pandangan mazhab.	<i>Al-Madhhab</i>
2.	Menyelak lembaran al-Quran menggunakan lidi.	Perselisihan pandangan para <i>Aṣḥāb al-Wujūh</i> .	<i>Al-Aṣḥāb al-Wujūh</i>

¹ Abū al-Qāsim ‘Abd al-Karīm bin Muḥammad al-Qazwīnī al-Rāfi'ī (1997), ‘Azīz Sharh al-Wajīz, al-Shaykh ‘Aliy Muḥammad Mu‘awwad (ed), j. *al-Muqaddimah*, cet. 1, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 86.

² Shams al-Dīn Muḥammad bin Abī al-‘Abbās al-Ramlī (1938), *Nihāyah al-Muhtāj Ilā Sharhi al-Minhāj, Wa Ma’ahu Hashiyah Abi al-Dia Nūr al-Dīn ‘Ali bin ‘Ali al-Sibrāmīlī al-Qāhirī*, j. 1, Mesir: Sharikah Maktabah Wa Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bāb al-Ḥalabī Wa Awlādūh, h. 38, dan Shihāb al-Dīn Ibn Ḥajar al-Haitamī (2001), *Tuḥfah al-Muḥtāj Bi Sharḥ al-Minhāj*, j. 1, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 21.

3.	Status rukun tertib ketika berwudū' yang disertakan dengan mandi.	Perselisihan pandangan para <i>Aṣḥāb</i> .	<i>Al-Asḥāḥ</i>
4.	Status cara perbuatan berkumur-kumur dan memasukkan air ke dalam hidung.	Perselisihan dalam menentukan <i>qawl</i> Imam al-Shāfi‘ī.	<i>Al-Azhar</i>
5.	Doa ketika membasuh setiap anggota <i>wudū'</i> .	Kekuatan dalil hadis.	Tiada
6.	Menyertakan cucian najis pada anggota semasa <i>wudū'</i> dan mandi.	Perselisihan pandangan para <i>Aṣḥāb</i> .	<i>Al-Asḥāḥ</i>
7.	Air mani haiwan.	Perselisihan pandangan para <i>Aṣḥāb</i> .	<i>Al-Asḥāḥ</i>
8.	Tepukan kali kedua pada tayammum.	Perselisihan pandangan para <i>Aṣḥāb</i> .	<i>Al-Asḥāḥ al-mansūs</i>

Jadual 4.1: Perincian perselisihan antara Imam Rāfi‘ī dan Imam Nawawī

Berpandukan kepada jadual di atas, sebahagian besar masalah yang diperselisihkan adalah merujuk kepada pandangan-pandangan *Aṣḥāb al-Wujūh* dan ianya juga adalah perselisihan yang kuat antara Imam Rāfi‘ī dan Imam Nawawī. Begitu juga dengan masalah yang diputuskan sebagai *al-azhar*, menunjukkan perselisihan yang berlaku adalah kuat. Ini boleh difahami dengan meneliti lafaz-lafaz pentarjihan yang digunakan oleh Imam Nawawī. Apabila beliau mentarjihkan dengan lafaz *al-Asḥāḥ* bermakna pandangan yang sebaliknya adalah *al-Asḥāḥī* dan apabila beliau mentarjihkan dengan lafaz *al-azhar*, pandangan yang sebaliknya adalah *al-zāhir*. Begitu juga dalam masalah yang diputuskan sebagai *al-mazhab*, ia bermaksud bahawa perselisihan berlaku dalam periwayatan para *Aṣḥāb* terhadap pandangan mazhab dalam masalah yang diutarakan, hingga berlaku pula pertikaian dalam menentukan pandangan yang tepat.

Justeru itu, dapatlah disimpulkan di sini bahawa tiada jurang yang jauh di antara Imam al-Rāfi‘ī dan Imam al-Nawawī dalam perselisihan yang berlaku antara mereka berdua. Jika dirujuk pada sampel masalah yang dikemukakan, ternyata tujuh masalah diputuskan dengan *khilāf* yang hampir setara dan hanya satu sahaja masalah yang ditolak secara total oleh Imam al-Nawawī. Oleh sebab itu, Imam al-Nawawī telah memberikan pujian terhadap sumbangan Imam al-Rāfi‘ī dalam mentarjih pandangan-pandangan dalam mazhab sehingga melayakkan karyanya (*al-Muḥarrar*) dianggap sebagai rujukan penting buat para mufti. Barangkali kata-kata Imam al-Nawawī berikut boleh dirujuk untuk kefahaman yang lebih baik:

...وَأَنْقَنُ مُخْتَصِّرٍ "الْمُحَرَّرُ" لِإِلَامِ أَبِي الْقَاسِمِ الرَّافِعِيِّ. رَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى ذِي التَّحْقِيقَاتِ، وَهُوَ كَثِيرُ الْفَوَائِدِ، عُمْدَةٌ فِي تَحْقِيقِ الْمَذَهَبِ، مُعْتَمَدٌ لِلْمُفْتَنِي وَغَيْرِهِ مِنْ أُولَئِي الرَّغْبَاتِ، وَقَدْ التَّزَمَ مُصَفَّهُ رَحْمَةُ اللَّهِ أَنْ يُنْصَّ عَلَى مَا صَحَّحَهُ مُعْظَمُ الْأَصْحَابِ وَوَفَى بِمَا التَّرَمَدَ وَهُوَ مِنْ أَهْمَّ وَأَوْهَمِ الْمَطْلُوبَاتِ...

Maksudnya: ... dan saya telah menekuni kitab ringkasan berjudul *al-Muḥarrar* karya Imam Abī al-Qāsim al-Rāfi‘ī *rahimahu Allāh Ta‘ālā* yang empunya tahkik. Kitab tersebut banyak faedahnya, panduan dalam menentukan pandangan mazhab dan rujukan muktamad buat mufti dan mereka yang berminat. Pengarangnya (*rahimahu Allāh*)

telah komited untuk menyatakan perkara-perkara yang telah disahkan oleh kebanyakan *Aṣḥāb* dan beliau telah menepati komitmennya dalam usaha tersebut. Usaha ini adalah di antara perkara utama atau sepenting-penting perkara yang dituntut (untuk dilaksanakan)...³

Berpandukan kepada apa yang dijelaskan di atas, Imam al-Nawawī ternyata begitu menghargai usaha-usaha yang dilakukan oleh pendahulunya dalam mentahkik pandangan-pandangan mazhab serta mentarjīhannya. Sementara usaha beliau adalah untuk menyempurkan lagi beberapa kekurangan yang ada sebagai pelengkap kepada apa yang telah dimulai oleh Imam al-Rāfi’ī. Ini boleh difahami dalam ungkapan Imam al-Nawawī berikut:

...مَعَ مَا أُضْمِنُ إِلَيْهِ إِنْ شَاءَ اللَّهُ تَعَالَى مِنْ النَّفَائِسِ الْمُسْتَجَدَّاتِ: ... وَمِنْهَا مَوَاضِعُ
يَسِيرَةٌ ذَكَرَهَا فِي الْمُحَرَّرِ عَلَى خِلَافِ الْمُخْتَارِ فِي الْمَذْهَبِ كَمَا سَرَّاهَا إِنْ شَاءَ
اللَّهُ تَعَالَى وَاضْحَاتٍ...

Maksudnya: ... berserta dengan apa yang akan saya tambahkan kepadanya (ringkasan kitab *al-Muḥarrar*) dengan izin Allah beberapa pemberian yang amat bernilai: ... di antaranya di beberapa tempat yang beliau (Imam Rāfi’ī) nyatakan dalam kitab *al-Muḥarrar* bercanggah dengan pandangan yang terpilih pada mazhab sebagaimana yang akan anda lihat dengan jelas dengan izin Allah *Ta’ālā*.⁴

Dalam rangka untuk melengkapkan usaha tersebut, Imam Nawawī turut mentarjīhkan masalah-masalah yang tidak ditarjīhkan oleh Imam Rāfi’ī. Sekadar menyebutkan contoh, ia boleh dilihat dalam masalah mandi hadas bagi orang yang mengenakan balutan, di mana Imam Rāfi’ī mengemukakan tiga pandangan tanpa mentarjīhkan mana-mana pandangan tersebut. Ini kemudiannya ditarjīhkan oleh Imam Nawawī dengan memilih salah satu pandangan daripadanya.⁵ Begitu juga dalam masalah panjang waktu solat Maghrib, Imam Rāfi’ī telah membawa *al-qawl al-qadīm* dan *al-qawl al-jadīd* tanpa mentarjīhkan salah satu daripadanya. Manakala Imam Nawawī telah mentarjīhkan *qawl al-qadīm*.⁶

Justeru, dengan tambahan yang dilakukan oleh Imam Nawawī ini telah memurnikan lagi apa yang telah sedia dilakukan oleh Imam Rāfi’ī.

PENDEKATAN PENTARJIHAN IMAM NAWAWI

Di antara objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti pendekatan pentarjihan Imam Nawawī dalam isu-isu yang diperselisihkan antara beliau dan Imam Rāfi’ī. Oleh itu, melalui sampel masalah yang dikaji, penulis telah mengenalpasti beberapa pendekatan pentarjihan yang telah digunakan oleh Imam Rāfi’ī.

Hadis sebagai asas pembinaan hukum

³ Abū Zakariyā Yaḥyā bin Sharafu al-Dīn Al-Nawawī (2008), *Minhāj al-Tālibīn Wa ‘Umdatū al-Muftin Fī al-Fiqh Wa Bi Ḥāshiyati Sharhi Daqāiqi al-Minhāj Wa al-Ibtihāj Fī Bayāni Iṣṭilāhi al-Minhāj*, cet. 1, Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 10.

⁴ Ibid.

⁵ Ibid. h. 34.

⁶ Ibid. h.

Merujuk kepada masalah-masalah yang dibentangkan, ada tiga masalah yang melibatkan perselisihan hukum berpandukan kepada hadis. Pertama dalam masalah pateri perkakas menggunakan emas yang diputuskan sebagai haram oleh Imam Nawawī. Masalah kedua, keutamaan melakukan serentak perbuatan berkumur-kumur dan memasukkan air ke dalam hidung. Manakala ketiga, amalan doa ketika membasuh setiap anggota *wudū'* yang ditolak sama sekali oleh Imam Nawawī .

Ketiga-tiga masalah ini telah menonjolkan keahlian Imam Nawawī dan penguasaannya dalam bidang hadis. Bukan sahaja dari aspek matan seperti dalam masalah penggunaan pateri daripada emas dan melakukan serentak perbuatan berkumur-kumur dan memasukkan air ke dalam hidung, bahkan turut merangkumi sanad seperti dalam masalah penolakan terhadap hadis-hadis doa ketika membasuh anggota *wudū'* yang dihukumkan beliau sebagai tidak berasas sama sekali.

Selain daripada itu, Imam Nawawī turut berpegang dengan metode *pentarjihān* mazhab yang berpandukan kepada kuantiti hadis atau *al-tarjih bi al-kathrah*. Ini boleh dilihat dalam masalah melakukan serentak perbuatan berkumur-kumur dan memasukkan air ke dalam hidung.

Pendekatan *Qiyās*

Sebagaimana yang sedia maklum bahawa *qiyās* merupakan salah satu daripada kaedah untuk mendapatkan hukum semasa ketiadaan nas daripada al-Quran dan hadis. Dalam mazhab Shāfi‘ī, *qiyās* bukan sahaja suatu yang bersifat analogi mudah bahkan ia merangkumi persembahan hujah-hujah secara induktif dan deduktif.

Antara contoh kes yang didukung oleh penggunaan *qiyās* adalah dalam masalah menyelak lembaran al-Quran dengan lidi penunjuk oleh orang yang berhadas⁷ dan juga dalam masalah menyertakan cucian najis semasa mandi hadas dan berwudu.⁸

Qiyās telah digunakan oleh Imam Nawawī dalam mentarjihkan hukum bagi masalah-masalah yang tiada nas yang jelas untuknya. Bahkan *qiyās* yang digunakan oleh beliau adalah pembuktian hukum melalui logik akal seperti melihat hukum dari sudut *maqāṣ id* seperti dalam masalah cucian najis semasa mandi hadas dan juga dalam bentuk analogi, sebagaimana dalam masalah menyelak lembaran al-Quran dengan lidi penunjuk. Dalam masalah ini Imam Nawawī telah menolak persamaan antara hukum orang berhadas yang membawa al-Quran dengan orang berhadas yang menyemak al-Quran.

Kekuatan Pandangan *al-Iraqiyyīn*

Salah satu pendekatan Imam Nawawī dalam metode *pentarjihān* beliau apabila berlaku pertembungan pandangan dengan Imam al-Rāfi‘ī adalah dengan melihat kepada

⁷ Abū Zakariyā Muḥyī al-Dīn Yahyā bin Shīrāz al-Nawawī (2005), *Rauḍah al-Tālibīn*, j. 1, Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 116.

⁸ Muhamad Ismail Abdullah (2012), *Khilāfah Di Antara Imam al-Rāfi‘ī dan Imam al-Nawawī Dalam Ibadah: Analisis Terhadap Metodologi Pertarjihān*, Universiti Malaya, h. 146-153.

pandangan *al-Iraqiyyin*. Ini kerana menurut beliau, golongan tersebut adalah lebih teliti dan tepat dalam menukikan nas, kaedah dan wajah-wajah pandangan para *Aṣḥāb*.⁹

Justeru itu, dalam beberapa pentarjihan di atas, metode ini telah digunakan dalam masalah pateri perkakas menggunakan emas dan masalah menyelak lembaran al-Quran menggunakan lidi penunjuk oleh orang yang berhadas.

Pentarjihan berpandukan pandangan majoriti

Pentarjihan berpandukan pandangan majoriti adalah salah satu pendekatan pentarjihan yang digunakan oleh Imam Nawawī. Hal ini kerana logik akal percaya bahawa pandangan majoriti itu adalah lebih hampir kepada kebenaran berbanding yang sebaliknya.

Pendekatan ini boleh dilihat dalam masalah tertib dalam *wudū'* yang disertakan dalam perbuatan mandi secara menyelam. Imam Nawawī telah mengambil kira pandangan para pentahkik dalam melebihkan pandangannya. Begitu juga dalam masalah mewajibkan menepuk dua kali pada tayammum, pandangan majoriti diambil kira sebagai salah satu penilaian semasa pentarjihan.

KESIMPULAN

Berpandukan kepada huraian di atas, penulis memutuskan bahawa tiada sebarang percanggahan hukum yang ketara antara kedua-dua Imam Rāfi'i dan Nawawī. Apa yang berlaku hanyalah perselisihan dari aspek pendekatan pentarjihan berdasarkan kaedah-kaedah *tarjih* yang diaplikasikan. Sebagai contoh sekiranya masalah tersebut diputuskan oleh Imam Rāfi'i dengan *qiyās* misalnya, yang mana *qiyās* itu merupakan salah satu sumber hukum dalam mazhab, maka Imam Nawawī akan membetulkan pentarjihan tersebut dengan berpandukan nas. Ini sebagaimana yang berlaku dalam masalah memateri perkakas menggunakan emas yang diqiyāskan kepada keharusan penggunaan perak dalam nas. Justeru *qiyās* tersebut dibatalkan oleh kewujudan nas yang *qatī* lagi *sahīh* yang jelas mengharamkan emas.¹⁰

Oleh itu, dalam *khilāf* yang berlaku antara mereka berdua, Imam Nawawī tampil mengkoreksi semula pandangan tersebut dengan berpandukan metodologi mazhab serta kaedah *uṣūl* yang sewajarnya. Ini berlaku sama ada melalui sandaran kepada hadis *sahīh*, *tarjih* berpandu kuantiti hadis, kelebihan pada 'illah hukum, *istiṣḥāb*, dukungan amalan *salaf* dan juga pendekatan berjaga-jaga atau *al-akhḍh bi al-iḥtiyāt*.

Sementara pendekatan beliau dalam mengambilkira pandangan *al-Iraqiyyin* adalah suatu ijтиhad yang dibuat berdasar pemerhatian dan analisis beliau yang begitu mendalam dan luas terhadap karya-karya mazhab. Walaupun ia bukan pendekatan Imam al-Shāfi'i sendiri berpandukan kaedah-kaedah yang telah digariskan. Ini kerana kemunculan Imam Nawawī pun adalah sesudah kewafatan Imam Shāfi'i.

Pendekatan ini juga merujuk kepada kata Imam Nawawī sendiri yang telah menegaskan apabila seseorang yang bukan berkeahlian dalam melakukan *tarjih* berhadapan

⁹ Muḥyī al-Dīn Yaḥyā bin Shirif al-Nawawī (2001), *al-Majmū' Sharḥ al-Muhadhdhab*, j.1, cet.1, Beirūt: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 145.

¹⁰ Muhamad Ismail Abdullah (2012), *op.cit.*, h. 104-106.

dengan dua *qawl* atau dua *wajh* hendaklah dia mendahulukan pandangan ramai, kemudian pandangan orang yang lebih berilmu dan kemudian orang yang lebih warak. Selanjutnya jika berlaku pertembungan antara yang lebih berilmu dan lebih warak, diutamakan pandangan orang yang lebih berilmu.¹¹

Pandangan beliau seperti yang dinyatakan di atas, sesuatu yang boleh diterima untuk menyelesaikan pertembungan bagi mereka yang tiada keahlian. Oleh itu kaedah *tarjih* dibina diatas ijtihad *fuqahā'* sebagai jalan keluar terhadap pertembungan yang berlaku.¹²

Sementara pendekatan Imam Nawawī dalam menukilkan pandangan *al-Irāqiyyīn* hanya hadir sebagai penguat kepada hujah-hujah yang telah beliau kemukakan terlebih dahulu disebabkan keahlian beliau dalam melakukan *tarjih*.

Sesungguhnya usaha yang dilakukan oleh kedua-dua Imam Rāfi'ī dan Nawawī adalah sesuatu yang amat besar dan terpuji. Walaupun berlaku perselisihan dalam beberapa masalah, ianya masih dianggap minimum dan kecil. Bahkan perselisihan itu boleh menjadi jalan keluar dalam keadaan tertentu, terutama apabila pandangan *rājiḥ* tidak dapat dilaksanakan, maka disaat itu hukum *marjūḥ* menjadi jalan keluar.

Perlu diketahui, untuk menyelidiki karya-karya para mujtahid mazhab sepanjang lebih kurang empat kurun semenjak dari kewafatan Imam -Shāfi'ī bukanlah satu tugas mudah. Ianya memerlukan kesungguhan yang tinggi dan minat yang amat mendalam. Justeru, apa yang telah dimulai oleh Imam Rāfi'ī merupakan penggembangan usaha tiada tolak bandingnya. Manakala kemunculan Imam Nawawī pula telah menyempurnakan dan memurnikan lagi usaha tersebut. Dalam hal ini, Imam Nawawī sendiri sebagaimana yang dinukilkan, ketika mengarang kitab *Minhāj al-Tālibīn* telah merujuk kepada 500 buah buku *fiqh* dan usaha tersebut adalah mukjizat *fiqh* yang begitu luar biasa.¹³

¹¹ Al-Nawawī (2001), *op.cit.*, j. 1, h. 143-144.

¹² Abū al-Muẓaffar Maṇṣūr bin Muḥammad bin ‘Abd al-Jabbār al-Sam‘ānī (1997), *Qawāṭi’ i’ al-Adillah Fī al-Uṣūl*, cet. 1, j. 1, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 407.

¹³ Imam al-Nawawī *Min Muḥarrir Li Madhab al-Shāfi’iyah Ilā Imam al-Aimmah Fī al-Tarjīḥ Bayna al-Aqwāl Wa al-Adillah*, <http://www.miskin4dev.sy/>, 4 April 2012.

RUJUKAN

Abū al-Muzaffar Manṣūr bin Muḥammad bin ‘Abd al-Jabbār al-Sam‘ānī (1997), *Qawāṭ i’ al-Adillah Fī al-Uṣūl*, cet. 1, j. 1, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Abū al-Qāsim ‘Abd al-Karīm bin Muḥammad al-Qazwīnī al-Rāfi’ī (1997), *Azīz Sharh al-Wajīz*, al-Shaykh ‘Aliy Muḥammad Mu‘awwad (ed), j. *al-Muqaddimah*, cet. 1, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Abū Zakariyā Muḥyī al-Dīn Yaḥyā bin Shīrf al-Nawawī (2005), *Rauḍah al-Tālibīn*, j. 1, Bayrūt: Dār al-Fikr.

Abū Zakariyā Yaḥyā bin Sharafu al-Dīn Al-Nawawī (2008), *Minhāj al-Tālibīn Wa ‘Umdatū al-Muftīn Fī al-Fiqh Wa Bi Hāshiyati Sharhi Daqāiqi al-Minhāj Wa al-Ibtihāj Fī Bayāni Iṣtilāḥi al-Minhāj*, cet. 1, Bayrūt: Dār al-Fikr.

Muhamad Ismail Abdullah (2012), *Khilāf Di Antara Imam al-Rāfi’ī dan Imam al-Nawawī Dalam Ibadah: Analisis Terhadap Metodologi Pertarjihan*, Universiti Malaya.

Muḥyī al-Dīn Yaḥyā bin Shīrf al-Nawawī (2001), *al-Majmū’ Sharḥ al-Muhadhdhab*, j.1, cet.1, Beirūt: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī.

Shams al-Dīn Muḥammad bin Abī al-‘Abbās al-Ramlī (1938), *Nihāyah al-Muhtāj Ilā Sharhi al-Minhāj, Wa Ma’ahu Hashiyah Abi al-Dia Nūr al-Dīn ‘Ali bin ‘Ali al-Sibrāmīlī al-Qāhiri*, j. 1, Mesir: Sharikah Maktabah Wa Matba‘ah Muṣṭafā al-Bāb al-Ḥalabī Wa Awlāduh.

Shihāb al-Dīn Ibn Ḥajar al-Haitamī (2001), *Tuḥfah al-Muḥtāj Bi Sharḥ al-Minhāj*, j. 1, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Imām al-Nawawī Min Muharrir Li Madhab al-Shāfi’iyyah Ilā Imām al-Aimmah Fī al-Tarjih Bayna al-Aqwāl Wa al-Adillah, <http://www.miskin4dev.sy/>, 4 April 2012.